

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN BELANJAWAN 2025
PADA 23 OKTOBER 2024
(Dikemaskini sehingga 20 Disember 2024)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
SUBSEKSYEN 44(6)		
1	In the recent budget announcement, payment of salaries and wages to educators by institutions with approved educational objectives under Section 44(6) of the ITA 1967 be allowable. Effective date?	Tarikh kuat kuasa adalah mulai 1 Januari 2025 dan perincian lanjut akan dimaklumkan di dalam Garis Panduan.
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)		
2	For RPGT self assessment, will disposer be imposed penalty if there is dispute between the value declare and the value used by LHDN?	Ya. Pelupus boleh dikenakan penalti sekiranya KPHDN berpendapat nilai pasaran yang dikemukakan oleh pelupus adalah tidak betul.
3	Bila Tax Agent boleh guna TaEF untuk hantar borang e-CKHT?	Aplikasi ini sudah boleh digunakan bagi tujuan pengemukaan BNCKHT melalui e-CKHT.
CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM)		
4	Adakah pelupus saham bukan pemastautin juga dikenakan CKM?	CKM dikenakan ke atas syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi sama ada pemastautin atau bukan pemastautin.
5	[Subseksyen 15C] Berkenaan Relevant company (FKA RPC). Adakah CGT hanya tertakluk kepada relevant company? Bagaimana kalau company itu bukan Relevant company adakah masih dikenakan CGT ?	Bagi maksud pengenaan CKM di bawah seksyen 15C, CGT dikenakan ke atas syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi yang melupuskan saham syarikat terkawal (relevant company) yang diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya.
6	Company A, B and C is within the same group, Company A and Company B holds Company C shares, if Company B sell it shares to Company A (its holding company) will this subject to capital gain tax?	Ya. Keuntungan daripada pelupusan saham yang diperolehi oleh Company B tertakluk kepada CKM.
7	For CGT purposes, in a disposal of unlisted shares held by a nominee on behalf of a principal who is the	Nomini tertakluk kepada CKM sekiranya bertindak sebagai pelupus bagi pihak prinsipal

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	beneficial owner, is the disposer the principal or the nominee?	melainkan hak milik benefisial terhadap prinsipal dapat dibuktikan.
8	If a nominee transfers the legal ownership of unlisted shares to the principal (i.e. the principal who was the beneficial owner now becomes the legal owner), is there a disposal for CGT purposes?	Pindah milik daripada nomini kepada prinsipal tertakluk kepada CKM melainkan hak milik benefisial terhadap prinsipal dapat dibuktikan.
9	For slide 10, is the disposal of shares on FIFO basis	Tidak. Pelupus perlu menentukan saham mana yang dilupuskan.
10	How do we make an appeal on Capital Gain Tax return form? Via email? is there any specific email for this division to handle on the appeal?	Sebarang persoalan/rayuan boleh dikemukakan kepada LHDNM Negeri yang mengendalikan fail cukai pelupus.
CUKAI DIVIDEN		
11	Adakah cukai dividen akan mengambil kira potongan cukai (seperti faedah pinjaman, fi broker) dan pelepasan cukai individu?	Secara umumnya, tiada potongan khas dibuat dalam pengiraan pendapatan larasan dari dividen yang dikenakan cukai di bawah subseksyen 4(c) ACP. Walau bagaimanapun, subseksyen 33(1) ACP adalah terpakai berhubung perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan dividen tersebut iaitu perbelanjaan faedah atas pembiayaan untuk memperoleh saham syarikat yang membayar dividen adalah dibenarkan sebagai tolakan bagi pendapatan dividen. Pembayar cukai turut layak menuntut pelepasan cukai individu dalam menentukan pendapatan bercukai.
12	Untuk individu tidak bermastautin, adakah cukai dividen ini cukai pegangan atau individu tidak bermastautin perlu memfailkan penyata cukai?	Pembayar cukai bukan pemastautin perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi bukan pemastautin (Borang M) bagi melaporkan pendapatan dividen yang diterima.
13	What will be the mechanism for the 2% tax on dividend income exceeding RM100,000? will it be withholding tax style or self-	Tiada cukai pegangan dikenakan ke atas dividen yang diterima oleh pembayar cukai. Pendapatan dividen yang diterima melebihi RM100,000 perlu dilaporkan oleh pembayar cukai dalam BNCP. Penentuan kelayakan pengecualian cukai ke atas pendapatan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	declare? how LHDN will trace the 100k threshold for that individual?	dividen di bawah nilai ambang akan ditentukan semasa pengauditan.
14	Sejak dividend syarikat telah memakai sistem "single tier", tax exempted. 2% cukai dividend masih pakai ? Adakah ini contradict dengan prinsipal single tier dividend mechanism ?	<i>Single tier dividend mechanism</i> masih terpakai. Dengan pengenalan Cukai Dividen ini, individu yang menerima pendapatan dividen melebihi RM100,000 akan dikenakan cukai pada kadar 2%.
15	Under dividend income exemptions point (f), does it mean dividend of Labuan entity is exempted?	Salah satu daripada pengecualian Cukai Dividen adalah ke atas pendapatan dividen yang diterima oleh pemastatutin daripada entiti Labuan. Entiti Labuan adalah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2B LBATA 1990.
16	For shares held under private mandate investment managed by a licensed fund management company, will the dividends received between subject to the 2% dividend tax?	Dividen yang diterima daripada dana tertutup (closed-end funds) adalah dikecualikan daripada pengenaan Cukai Dividen.
17	Is distribution for wholesale fund or money market fund subject to dividend tax?	Agihan keuntungan daripada <i>wholesale fund or money market fund</i> bukan merupakan pendapatan dividen. Oleh itu, ianya tidak tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen.
18	The 2% tax on dividend, will it be applicable for distribution/ share of profit by LLP ?	Agihan keuntungan daripada PLT bukan merupakan pendapatan dividen. Oleh itu, ianya tidak tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen.
19	How's the dividend tax work, combine from PLC n Sdn Bhd? If dividend frank from PS/ITA, wld it subject to this 2%?	Agihan dividen daripada syarikat Sdn Bhd dan Syarikat Bhd (PLC) adalah tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen. Walau bagaimanapun, hanya dividen daripada syarikat yang menikmati taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dikecualikan daripada pengenaan Cukai Dividen.
20	Dividend from profit with investment tax allowance?	Dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada bahagian pendapatan syarikat yang menikmati elaun cukai pelaburan tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
21	Does the 2% dividend tax apply on dividends received from an investment holding company that holds a subsidiary which is enjoying pioneer status?	Sekiranya individu menerima pendapatan dividen yang diagihkan daripada keuntungan syarikat pemegang pelaburan yang merupakan pemegang saham dalam syarikat yang mendapat taraf perintis, individu tersebut adalah tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen. Pengecualian Cukai Dividen hanya layak sekiranya individu tersebut menerima pendapatan dividen yang diagihkan daripada keuntungan syarikat yang mendapat taraf perintis.
22	Do the exemption for 2% on dividend includes the Pioneer/RA/etc before the effective date? If yes, how to keep track or identify since many company don't keep track of exempt acc after single tier div	Pengecualian Cukai Dividen adalah layak ke atas individu yang menerima pendapatan dividen yang diagihkan daripada keuntungan syarikat yang mendapat taraf perintis dan elaun pelaburan semula semasa peruntukan ini mula berkuat kuasa.
23	I am a non tax resident based in SG, I owned shares in listed/unlisted shares in MY. How do I declare my tax of 2% on dividends received from MY. I am not subject to tax in SG ! So tax credit how?	Dividen yang diterima daripada syarikat di Malaysia oleh bukan pemastatutin perlu dilaporkan semasa pengemukaan Borang M. Kredit cukai di bawah seksyen 132 ACP hanya boleh dituntut di Singapura sekiranya pendapatan dividen tersebut dicukai di Singapura.
24	What's the treatment for local IHC company that wholly receive dividend from local sdn bhd? Need to pay 2% tax?Currently, dividend receive from local sdn bhd is "single-tier", IHC not pay tax for it.	Cukai Dividen dikenakan ke atas pembayar cukai individu sahaja.
25	When is the timing of 2% tax, upon declaration of dividend or receipt of dividend?	Cukai Dividen dikenakan semasa dividen dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pembayar cukai individu.
26	Sun Ltd holds (UK) shares in Syarikat ABC Sdn Bhd. Syarikat ABC declares dividend to holding. The holding co based in UK then declares dividend to individual shareholders (Malaysian). Taxable?	Pendapatan dividen yang diterima oleh individu adalah tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen. Walau bagaimanapun, dividen yang diisytiharkan oleh syarikat di luar negara yang diterima oleh individu di Malaysia dikecualikan cukai di bawah P.U.(A) 234/2022 sehingga 31.12.2026 (Pengecualian ini akan dilanjutkan sehingga 31.12.2036 melalui pindaan P.U.(A) 234/2022 yang akan diwartakan kelak).

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
27	Is the dividend declare by subsidiary to holding company still charge 2% tax?	Cukai Dividen dikenakan ke atas pembayar cukai individu sahaja.
28	If dividend declared in 2024 but received by individual shareholder in 2025, subject to 2% tax?	Dividen yang tertakluk kepada Cukai Dividen adalah dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan mulai tahun taksiran 2025.
29	Retained profits are from previous years ! But dividend is only declared in FY 2025. But it is from retained earnings from the past ! Still subject to 2% if amount declared is greater than 100,000	
30	If date of dividend payment is 30/11/2024 (as per dividend warrant) but amount is only received in January 2025, will the dividend be deemed received in YA 2025?	Dividen yang tertakluk kepada Cukai Dividen adalah dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan mulai tahun taksiran 2025. Sekiranya dividen dibayar pada 30.11.2024 seperti yang dinyatakan dalam baucer dividen, dividen yang diterima oleh individu tersebut tidak tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen.
31	2% dividend to be paid separately on each amount received or total dividend declared? eg. total dividend 200k, but in Jan25 received 60%, in Jun25 received balance 40%.	Jumlah pendapatan dividen setahun yang diterima oleh individu melebihi RM100,000 akan dikenakan Cukai Dividen.
32	How if dividend is RM150k, RM 100k is tax exempt and RM 50k will be tax @ 2%? Or RM 150k @ 2%?	Pendapatan dividen yang melebihi RM100,000 akan dikenakan Cukai Dividen. Oleh itu, lebihan dividen sebanyak RM50,000 akan dikenakan cukai pada kadar 2%.
33	Will dividend from preference shares be taxed at 2% if more than Rm100,000 ?	Ya, sekiranya dividen daripada saham keutamaan adalah bercirikan ekuiti, maka dividen yang diterima melebihi RM100,000 adalah tertakluk kepada Cukai Dividen.
34	Eg I am paying tax in MY at the top tax rate of 30%. Will the dividend of 100,000 I received in 2025 be included in the taxable income for my calculation of taxable income at 30% ?	Cukai Dividen dikenakan ke atas pendapatan dividen yang melebihi RM100,000 pada kadar 2%.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
DUTI SETEM		
35	Untuk serahhak polisi life insurance, setem duti akan dikenakan ke atas nilai pindah milik? Tolong jelaskan apakah maksud nilai pindah milik? Is it sum assured? Or on surrender value	Duti dikenakan ke atas amaun yang diinsuranskan.
36	Berikutan sistem taksir sendiri untuk setem duti, sekiranya ada sebarang perubahan, tolong jelaskan prosedur untuk sebarang pindaan borang nyata setem duti.	Sekiranya terdapat apa-apa kesilapan dan kesalahan dalam penyata duti setem, ia boleh dibuat melalui peruntukan baharu yang membenarkan tuntutan relif kesalahan dan kesilapan dibuat oleh pembayar duti secara elektronik. Tiada proses pengemukaan penyata terpinda yang terlibat.
37	Sekiranya saya menyerahkan polisi life insurance kepada keluarga saya, dan nilai pindah milik insurance tersebut adalah RM1.5 juta, setem duti yang akan dikenakan adalah RM1 ribu? ataupun RM1,610?	Duti dikenakan adalah duti tetap RM1,000 mengikut skala nilai balasan bagi surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025.
38	Sekiranya saya ambil pinjaman berdasarkan prinsip syariah (Murabahah dan Tawarruq) untuk tujuan selain daripada pembelian barangan (untuk run business operations), duti setem adalah RM10?	Duti bagi pinjaman secara prinsip syariah termasuk Murabahah dan Tawarruq masih tertakluk kepada duti ad valorem. Pindaan akta untuk pengenaan duti RM10 hanya terpakai bagi pembelian barangan seperti dalam Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 sahaja.
39	Stamp duty - what will happen to IRB's stamps portal after implementing self assessment for stamp duty?	Portal semasa akan dikemaskini sejajar dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS).
40	For stamp duty, record keeping is 7 years, so the years IRB allowed to audit is also up to 7 years? if no fraud element.	Di bawah peruntukan Akta Setem, Pemungut boleh membangkitkan taksiran/taksiran tambahan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh duti dibayar.
41	Untuk relif under Seksyen 15 atau 15A, perlukah saya hantar borang nyata duti setem dulu sebelum membuat permohonan relif?	Melalui perlaksanaan STSDS, permohonan relif di bawah seksyen 15 & 15A hendaklah dibuat dengan mengemukakan penyata dan surat cara secara elektronik.
42	Surat cara pindah milik harta tanah executed pada tahun 2026, adakah IRB akan issue notis taksiran pada	Pentaksiran duti secara taksir sendiri bagi surat cara pindah milik hanya akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2027 bagi surat cara yang tidak melibatkan penilaian JPPH.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	tahun 2026? Atau adakah duti setem perlu ditaksir sendiri?	
43	Untuk perjanjian servis / perkhidmatan, bilakah tarikh kuatkuasa taksiran sendiri untuk duti setem? Fasa 1, 2 atau 3?	Fasa 1 bermula 1 Januari 2026 untuk surat cara yang tertakluk kepada Butiran 22 sahaja.
44	Stamp duty on shariah non-HP goods only applicable for financing of purchase of goods? If term loan under shariah principle for working capital, stamp duty still at RM10?	Duti bagi pinjaman secara prinsip shariah masih tertakluk kepada duti ad valorem. Pindaan akta untuk pengenaan duti RM10 hanya terpakai bagi pembelian barangan seperti dalam Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 sahaja.
45	Stamp duty - doesn't it mean now all agreements need to be submitted for stamping?	Semua surat cara yang disempurnakan tertakluk kepada pengenaan duti di bawah Akta Setem 1949.
46	Untuk relif under Seksyen 15 atau 15A, bilakah tarikh akhir untuk submit permohonan relif selepas saya hantar borang nyata setem duti?	Permohonan relif boleh dibuat selepas duti <i>ad valorem</i> dibayar ke atas surat cara.
47	Untuk perjanjian pindah milik perniagaan, bilakah tarikh kuat kuasa taksiran sendiri untuk duti setem? Adakah ini di bawah Fasa 1, 2 atau 3?	STSDS untuk surat cara ini akan dikuatkuasakan dalam Fasa 3 iaitu bermula 1 Januari 2028.
48	pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah, pembelian barangan termaksud pembelian hartanah, tanah dan bangunan?	Barangan yang dimaksudkan dalam peruntukan ini adalah barangan yang tersenarai di dalam Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 sahaja.
e-INVOIS		
49	Adakah insentif cukai untuk pelaksanaan e-invois melalui elaun modal tambahan bermula (a) 1 Jan 2025 atau (b) TT 2024 dan TT 2025	Elaun modal dipercepat akan boleh dinikmati oleh pembayar cukai yang memenuhi garis masa pelaksanaan e-invois dan ketetapan yang digariskan di dalam garis panduan dan tidak menikmati apa-apa kelonggaran yang ditawarkan/ diumumkan oleh LHDNM. Ia boleh dituntut bagi tahun taksiran 2024 dan 2025.
50	If a sole prop owner having own property and receive rental income where the rental income is tax under s4d under his personal tax..	Pembayar cukai individu yang tidak menjalankan perniagaan dikecualikan daripada pelaksanaan pengemukaan e-invois.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	do he need to issue e invoice for the rental income received?	
51	For e-invois, why can't a sole proprietorship separate between his individual e-Invoice and his business in myInvois? Won't the transactions between personal and business transaction get mix up?	Individu yang tidak menjalankan perniagaan tidak tertakluk pelaksanaan e-invois. Sekiranya individu itu tidak menjalankan perniagaan, tidak tertakluk kepada pelaksanaan e-invois. Sekiranya individu menjalankan perniagaan, ia tertakluk kepada pelaksanaan e-invois. Oleh itu, tiada isu tanggungjawab pelaksanaan bercampur aduk (mix-up).
52	Are taxpayers exempted from issuing e-invoicing in year 2025 if their revenue was more than RM150k in year 2023 but less than RM150k in year 2024 (2022 revenue was RM130k)	Pembayar cukai adalah tertakluk kepada pelaksanaan e-invois apabila syarikat telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Sebarang perubahan ke atas pendapatan pada masa hadapan tidak memberi kesan kepada kewajipan pelaksanaan e-invois.
53	For the business expenses which incurred from MSME who are exempted from issuance of e-invoice, can we get a tax deduction on that expenses in view of absent of e-invoice?	Buat masa ini, tuntutan perbelanjaan tidak terhalang walaupun tiada pelaksanaan e-invois dibuat selagi perbelanjaan tersebut memenuhi seksyen 33 ACP.
54	Is taxpayer only needs to implement e-invoicing start fr 1st Jan 2026 if revenue was > 150k in yrs 2023 and 2024 (2022 revenue = 130k), ie in the 2nd year after exemption threshold surpassed?	Pembayar cukai adalah tertakluk kepada pelaksanaan e-invois dalam tahun kedua selepas tahun yang mana pembayar cukai telah melepasi nilai ambang. Sebarang perubahan ke atas pendapatan pada masa hadapan tidak memberi kesan kepada kewajipan pelaksanaan e-invois.
55	Sole pro taxpayer got personal property and rental income which is not capture inside sole prop acc, this rental income assessed under s4d in personal tax, this rental income need to issue einvoice?	Sekiranya pemilik harta tanah individu berkenaan menjalankan perniagaan, e-Invois perlu dikeluarkan kepada penyewa. Sekiranya pemilik harta tanah individu tersebut tidak menjalankan perniagaan, penyewa (jika mereka adalah perniagaan) perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk merekodkan pembayaran sewaan harta tanah berkenaan.
56	Sole prop pembyr cukai ada harta peribadi dan pendptan sewa yang tidak ditangkap dlm akaun prop tunggal, pendpt sewa ini dinilai dibawah sd4 dlm cukai peribadi,	Sekiranya pemilik harta tanah individu berkenaan menjalankan perniagaan, e-Invois perlu dikeluarkan kepada penyewa. Sekiranya pemilik harta tanah individu tersebut tidak menjalankan perniagaan,

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	pendpt sewa ini perlu keluar invoice?	penyewa (jika mereka adalah perniagaan) perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk merekodkan pembayaran sewaan harta tanah berkenaan.
57	ACA on ICT equip for invoicing purpose in tax measure (app 11) stated effective for YA2024 and YA2025 but slide 71 stated effective from 1January 2025. Which one is correct?	Telah dipinda. Berkuatkuasa bagi tahun taksiran 2024 dan 2025.
58	The CA for ICT for taxpayers who fully implement invoice. Does it also include those taxpayers who implement invoice who use the 6 months extension?	Elaun modal dipercepatkan akan boleh dinikmati oleh pembayar cukai yang memenuhi garis masa pelaksanaan e-invois dan ketetapan yang digariskan di dalam garis panduan dan tidak menikmati apa-apa kelonggaran yang ditawarkan/ diumumkan oleh LHDNM dalam tempoh 6 bulan tempoh kelonggaran.
59	I suggest that e-invoice be applicable to any dividend payout so that LHDN is able to capture the dividend income of each person.	Pada masa ini, di bawah Perenggan 11.1.2 Garis Panduan e-invois, bagi maksud pelaksanaan e-invois, pembayar (syarikat) tidak perlu mengemukakan e-invois kepada LHDNM bagi mana-mana dividen di bawah single tier. Cadangan ini diambil maklum.
60	The QE for the tax incentive for implementation of e-Invoice includes consultation fees - does this include the fees for the e-Invoice gap analysis?	Fi yang layak adalah apa-apa fi perunding, bayaran bagi hak pemilikan perisian dan fi sampingan yang berhubungan dengan pembangunan perisian komputer yang dibuat khas bagi tujuan pembangunan sistem invois elektronik.
61	Tax incentive for implementation of e-invoice. If company now under relaxation period and submitting consolidated invoices until Jan 2025, does that mean unable to enjoy this accelerated CA?	Ya.
62	Apa yang di maksudkan kepada insentif cukai perbelanjaan ICT tidak terpakai kepada PC yg menikmati kelonggaran pelaksanaan e-invoice	Elaun modal dipercepatkan akan boleh dinikmati oleh pembayar cukai yang memenuhi garis masa pelaksanaan e-invois dan ketetapan yang digariskan di dalam garis panduan dan tidak menikmati apa-apa kelonggaran yang ditawarkan/ diumumkan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		oleh LHDNM dalam tempoh 6 bulan tempoh kelonggaran.
63	does the ACA apply to all ICT or only limit to ICT used in implementing e-invoice?	Ia terhad kepada pembelian peralatan ICT bagi pelaksanaan invois elektronik sahaja.
64	For the accelerated CA for e-inv implementation, do the 'consultant fee' included consultation fee of third parties (not accounting software service provider) for technical support and guidance?	Fi yang layak adalah apa-apa fi perunding, bayaran bagi hak pemilikan perisian dan fi sampingan yang berhubungan dengan pembangunan perisian komputer yang dibuat khas bagi tujuan pembangunan sistem invois elektronik. Perbelanjaan adalah bagi pelaksanaan invois elektronik dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca yang terdiri daripada perniagaannya sahaja yang layak.
65	What is the CA treatment for the e-invoice implementation costs (development costs for customised computer software) if the software is owned by the 3rd party (developer)	Hanya pembayar cukai yang telah melakukan kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas bagi pelaksanaan invois elektronik dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca yang terdiri daripada perniagaannya sahaja yang layak.
66	Is the company allowed to claim ACA once it incurs the QCE such as consulting fees and ICT for e-invoicing purposes? Or is the claim only eligible once the gazette order is issued?	Tuntutan adalah bagi perbelanjaan yang layak yang dilakukan bagi tahun taksiran 2024 dan 2025. Memandangkan perundangan subsidiari masih belum diwartakan, pembayar cukai boleh membuat permohonan tuntutan secara bertulis kepada KPHDN di bawah seksyen 131A ACP dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhir tahun perundangan subsidiari diwartakan.
67	ACA for ICT, does it only apply for ICT for e-invoice purpose, how about the ICT for non-einvoice purpose, remain at 40IA and 20AA as per Budget 2024?	Ya. Galakan elaun modal dipercepat di bawah Bajet 2025 hanyalah bagi perbelanjaan ICT yang dilakukan bagi pelaksanaan e-invois sahaja. Walau bagaimanapun, kelayakan ini adalah tertakluk kepada pematuhan ke atas garis masa pelaksanaan e-invois sebagaimana yang ditentukan oleh KPHDN. Sekiranya pembayar cukai tidak memenuhi syarat pematuhan tersebut, pembayar cukai masih boleh menuntut elaun modal dipercepatkan di bawah P.U.(A) 328/2024 yang telah diwartakan pada 30 Oktober 2024.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
68	ICT equip not for invoicing purpose, the ACA rate will be following the proposal in budget 2024 (ie 40% IA and 20% AA)? Is this proposal confirmed? Can claim this ACA rate for YA2024 before GO issued?	Ya. Mana-mana perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT yang tidak berkaitan dengan invois elektronik boleh menggunakan kadar Elaun Modal Dipercepat seperti mana yang diumumkan di dalam Belanjawan 2024. Untuk makluman, perundangan subsidiari bagi Elaun Modal Dipercepat (P.U.(A) 328/2024) telah diwartakan pada 30 Oktober 2024 dan boleh dituntut oleh pembayar cukai yang memenuhi syarat.
69	Does the myInvois system fully develop and stable or will there be more updates in the future?	Ya. Pada masa ini portal ini telah tersedia untuk digunakan.
70	Does tax payer form BE need to register myinvois portal?	Tiada syarat untuk mana-mana pihak diminta mendaftar MyInvois Portal. Portal ini disediakan sebagai medium yang membolehkan pengeluaran invois dibuat kepada mana-mana perniagaan yang tidak mempunyai sistem pengeluaran invois sendiri.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - FAEDAH PINJAMAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA		
71	For 1st house loan interest relief, if the house is jointly purchased w others who is not 1st house. Cld the loan interest relief be entitled by the joint owner who is his 1st house thru apportion	Pelepasan cukai hanya layak dituntut oleh individu yang membayar faedah pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama sahaja. Pengiraan faedah yang layak dituntut adalah mengikut bahagian faedah yang dibayar sahaja (apportionment of interest paid).
72	An individual (first house) purchases a land and constructs a house, does the interest on the loan taken for the purchase and construction qualifies for relief for 1st residential property?	Pelepasan individu berhubung faedah pinjaman rumah kediaman pertama hanya terpakai bagi pembelian kediaman pertama melalui perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh 1.1.2025 hingga 31.12.2027. Oleh itu, faedah atas pinjaman yang dibuat untuk membeli tanah dan membina rumah di atas tanah tersebut tidak layak menuntut pelepasan ini walaupun rumah berkenaan merupakan rumah kediaman pertama.
73	Kalau seorang itu ada rumah dan rumah telah dijual. Adakah dia layak tuntutan utk pinjaman bagi faedah perumahan?	Tidak layak. Sekiranya individu pernah memiliki rumah dan telah menjualnya, pembelian rumah kediaman yang seterusnya bukan merupakan rumah kediaman pertama semula.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)		
74	Para 46(1)(K) SSPN: Please clarify illustration 7 if a father contribute RM8,000 to Child A only, while mother contribute RM8,000 to Child B only. Can each individual claim in full separately?	Pelepasan cukai bagi SSPN adalah tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk satu isi rumah. Tuntutan boleh dibuat sama ada oleh ibu atau bapa dengan amaun maksimum RM8,000 secara berasingan atau bersama tanpa mengira bilangan anak.
75	For the SSPN, if the parents are contribute separately RM8000 to 2 children, only either one can claim?	Ya. Hanya salah seorang ibu atau bapa sahaja yang boleh menuntut pelepasan RM8,000.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU YANG LAIN		
76	Untuk pelepasan cukai untuk datuk dan nenek, apa yang boleh claim? Kalau caretaker/rumah orang tua boleh?	Pelepasan cukai kepada ibu bapa di bawah perenggan 46(1)(c) ACP diperluas kepada datuk dan nenek untuk perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh termasuk pemvaksinan, keperluan khas dan penjagaan.
77	Other than covid self test kit and oximeter, what are the other self diagnostic medical devices? Blood pressure device, blood sugar test device and strip can consider?	Apa-apa peralatan pengesanan sendiri yang berdaftar dengan Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] termasuk mesin pemantau tekanan darah dan mesin ujian pengawasan glukosa dalam darah.
78	The relief up to RM10,000 for medical expenses, which will include medical and health insurance and takaful products with co-payment features - is this refer to upfront payment that individual paid?	<i>Co-payment</i> merujuk kepada bayaran yang dibuat oleh pemegang polisi insurans yg bercirikan pembayaran bersama (<i>co-payment</i>) ketika pemegang polisi mendapatkan rawatan penyakit serius di hospital. Sekiranya <i>upfront payment</i> merupakan sebahagian daripada kos rawatan yang perlu dibayar oleh pemegang polisi, maka <i>upfront payment</i> tersebut layak dituntut di bawah pelepasan cukai tersebut.
RAYUAN DI BAWAH PERENGGAN 12 JADUAL 5 ACP		
79	FORM Q - Are taxpayers allowed to amend the grounds of appeal if the case goes beyond SCIT (e.g., high court/court of appeal? Does the 6 months limitation applies throughout?	Tidak. Pihak perayu tidak dibenarkan untuk meminda alasan rayuan di dalam Borang Q apabila kes telah diputuskan di peringkat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP). Tempoh 6 bulan ini adalah terpakai bagi pindaan alasan rayuan di peringkat PKCP.
INSENTIF		
80	Apakah contoh 'pembangunan kapasiti (latihan) pengaturan kerja fleksible?	Antara contoh "pembangunan kapasiti" untuk galakan cukai bagi majikan yang melaksanakan Pengaturan Kerja Fleksibel (Flexible Working Arrangement (FWA))

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		adalah termasuk fi kursus atau program latihan, fi jurulatih dalaman, kos bahan latihan, kos penyewaan ruang latihan, fi peperiksaan dan perbelanjaan perjalanan berkaitan latihan yang dilakukan oleh pekerja dan jurulatih, kos penginapan dan makanan.
NO. PENGENALAN CUKAI (TAX IDENTIFICATION NUMBER (TIN))		
81	How can parties other than the taxpayer access the TIN? Is it through the MyInvoice Portal or the MyTax Portal?	Pelaksanaan adalah masih tertakluk kepada perancangan di peringkat penyediaan sistem sekiranya perundangan diluluskan. Ia dicadang untuk disediakan kepada umum menggunakan platform MyTax, laman web, MyInvois portal dan Application Programming Interface (API).
82	For e invoice, a non tax payer can opt not to register TIN right? Use IC number will do if want to receive e invoice from suppliers, am I right?	TIN dikeluarkan oleh KPHDN kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, orang yang boleh dikenakan cukai di bawah ACP atau orang yang dikehendaki mengemukakan BNCP di bawah ACP. Bagi tujuan pelaksanaan e-invois, penggunaan TIN adalah mandatori.
83	With regard with Section 66A : Access to TIN, does it mean that non taxpayer will also have Tin? And will we be able to access to the TIN for non taxpayer?	Semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas akan diberikan TIN. Melalui perkhidmatan yang akan disediakan oleh LHDNM, maklumat TIN pihak lain boleh diakses oleh mana-mana orang bagi tujuan Akta Cukai Pendapatan 1967. Penggunaan TIN bagi tujuan selain akta boleh disabitkan kesalahan.